



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 62 / 2020

**PENGUNDI PILIHAN RAYA UMUM
DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) SABAH KE-16
DISERU KELUAR MENGUNDI PADA
26 SEPTEMBER 2020 (SABTU)**

1. Seramai **1,088,711** orang daripada **1,103,646** orang pengundi biasa layak mengundi pada Sabtu, 26 September 2020. Manakala seramai **14,935** orang telah mengundi secara pos.
2. Bagi pengundi yang telah menerima **Kad Pengundi (Voter's Card)** atau yang telah mengetahui maklumat pengundian, mereka boleh terus ke saluran mengundi dan tidak perlu lagi membuat semakan di barung semakan SPR. Pada *Voter's Card* kali ini, SPR juga meletakkan maklumat "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" bagi setiap pengundi. Pengundi dinasihatkan supaya keluar mengundi mengikut "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" seperti mana yang tercatat pada Kad Pengundi (Voter's Card). Sekiranya pengundi tidak dapat hadir pada masa keluar mengundi yang digalakkan atas sebab-sebab tertentu, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari jam **7.30 pagi hingga 5.00 petang** atau waktu yang telah **diwartakan**. Namun demikian, pengundi adalah dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir.

3. Cadangan masa ini bertujuan untuk mengelakkan pengundi berkumpul dalam jumlah yang ramai dan seterusnya memastikan penjarakan fizikal dalam kalangan pengundi semasa berada di pusat mengundi. Ini adalah selaras dengan prosedur kawalan penyebaran wabak covid-19 di bawah Akta 342 Akta Kawalan Penyakit Berjangkit yang sedang berkuat kuasa. Semua pengundi dan pihak yang terlibat dalam PRU DUN Sabah ke-16 juga diingatkan agar sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan dan garis panduan pencegahan Covid-19 pada hari mengundi nanti.

4. Manakala, bagi pengundi yang tidak menerima *Voter's Card* kerana kemungkinan telah berpindah atau belum mengetahui maklumat pengundian, mereka disaran agar membuat semakan lebih awal sebelum hari mengundi. Semakan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:
 - a) Portal semakan daftar pemilih <https://pengundi.spr.gov.my>;
 - b) **Aplikasi MySPR Semak**;
 - c) **Hotline SPR di talian 03-8892 7018**; atau
 - d) **SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO. KAD PENGENALAN**

5. Semasa membuat semakan, pengundi disaran untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:
 - a) **pusat mengundi**
 - b) **saluran mengundi**
 - c) **nombor bilangan pemilih**

6. Pengundi diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan **Voter's Card** atau **catatan maklumat pengundian** serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. *Voter's Card* dan catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi.
7. Selain itu, pengundi juga dinasihatkan supaya tidak menyerahkan kad pengenalan mereka kepada pihak lain selain daripada petugas pilihan raya.
8. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada Sabtu ini.

Sekian.

IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 24 September 2020 / 6 Safar 1442H